



30 Mac 2012  
30 March 2012  
P.U. (B) 99

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN  
*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

*REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC  
PURPOSE*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

KANUN TANAH NEGARA  
PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

BAHAWASANYA, melalui *Pemberitahuan No. 924/1953* yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Selangor* pada 3 Disember 1953, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Raja dalam Mesyuarat oleh seksyen 24(i) Kanun Tanah 1926 [No. 24/1962] dan diwakilkan kepadanya melalui *Warta Kerajaan Negeri Selangor P.W. Sel. 188/1952*, Menteri Besar, Selangor, telah mengisyiharkan bahawa petak tanah iaitu No. Lot 239 yang terletak di dalam seksyen 72 Bandar Kuala Lumpur, seluas 2 rud 05.3 pol dan ditandakan di atas pelan ukur hasil, No. 20,825 yang sekarang disimpan di Pejabat Penguasa Ukur Hasil, Selangor, menjadi suatu rizab bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak bagi Institut Wanita yang oleh Persatuan Institut Wanita Malaya:

DAN BAHAWASANYA, melalui *P.U.(B) 108/2003* yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* pada 3 Mac 2003, Kerajaan Persekutuan telah mewakilkan penjalanan kuasanya di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*] kepada Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur:

DAN BAHAWASANYA, adalah didapati suai manfaat sekarang oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan:

DAN BAHAWASANYA, notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu yang diperihalkan dalam Jadual berserta dengan butir-butir mengenai masa dan tempat di mana suatu siasatan akan diadakan oleh Pentadbir Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, untuk mendengar mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap pembatalan itu telah ditampalkan mengikut peruntukan seksyen 433 Kanun Tanah Negara dan juga telah disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* sebagai *P.U. (B) 605/2011* pada 21 Disember 2011: